



KULIM (MALAYSIA) BERHAD

POLISI PENCEGAHAN DAN PEMBASMIAN KE ATAS PENYALAHGUNAAN DADAH, ALKOHOL DAN BAHAN DI TEMPAT KERJA

KULIM memperakui bahawa penyalahgunaan dadah akan menjelaskan keupayaan individu untuk menjalankan tugas dengan sempurna dan mempunyai kesan mudarat yang serius terhadap keselamatan, kecekapan dan produktiviti. Polisi ini dirangka berdasarkan Kod Amalan Pencegahan dan Pembasmian Penyalahgunaan Dadah dan Masalah Alkohol dan Bahan di Tempat Kerja yang dikeluarkan oleh Kementerian Sumber Manusia Malaysia.

OBJEKTIF

Objektif Polisi Penyalahgunaan Dadah, Alkohol dan Bahan Di Tempat Kerja ini adalah untuk membantu mengekalkan suasana kerja yang selamat, sihat dan produktif.

SKOP

Polisi ini tertakluk bukan sahaja kepada anggota pekerja KULIM, malah meliputi pelawat, klien, pelanggan dan kontraktor yang memasuki premis kami.

KULIM TIDAK BERKOMPROMI di dalam penggunaan, pembuatan, pemprosesan, pemilikan, pengedaran dan penyalahgunaan ubat-ubatan.

Bagi mencapai polisi ini, KULIM berhak untuk :

- ❖ memeriksa mana-mana anggota pekerja dan/atau barang-barang miliknya yang berada di premis atau kawasan kerja.
- ❖ Memerlukan mana-mana individu didalam premis kami untuk menjalani ujian dadah dan/atau bahan-bahan terkawal.

Mana-mana anggota pekerja yang didapati melanggar mana-mana peruntukan di dalam polisi ini akan dikenakan tindakan disiplin; termasuk penamatkan perkhidmatan. Kepada bukan anggota pekerja, mereka akan diminta meninggalkan premis kami atau tindakan-tindakan lain yang sewajarnya akan diambil.

Diluluskan Oleh:

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'ZULKIFLY ZAKARIAH'. It is enclosed in a decorative oval border.

ZULKIFLY ZAKARIAH

Pengarah Eksekutif

01 Mei 2018